



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
[*Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)*]
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI
NO . 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 03-8000 8000 / 03-8870 1000

Faks : 03-8888 6904 / 03-8888 4855

Portal : [http :// www.maqis.gov.my](http://www.maqis.gov.my)

Ruj. Kami : KP/MAQIS/193/2 Jld. 2 (21)
Tarikh : 27 November 2018

**SEMUA PENGARAH MAQIS NEGERI
SEMUA KETUA PINTU MASUK MAQIS**

Tuan,

**ARAHAN PEMERIKSAAN BAGASI PENUMPANG BAGI MEMBENDUNG KEMASUKAN
DAGING BABI DAN PRODUK BABI BERIKUTAN WABAK PENYAKIT *AFRICAN SWINE
FEVER***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat Jabatan Perkhidmatan Veterinar bertarikh 16 November 2018 dengan nombor rujukan JPV/PBS(Q)600-10/1/4 JLD. 12 (62) adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengeluarkan surat Larangan Pengimportan Babi Hidup dan Produk Babi berikutan Wabak *African Swine Fever* (ASF) dari Negara China, bernombor rujukan JPV/PBS(Q)600-10/1/4 JLD.12(62). Larangan pengimportan ini telah dikuatkuasakan bermula 12 November 2018.

3. Oleh itu, semua pintu masuk adalah diarahkan untuk menjalankan pemeriksaan bagasi penumpang-penumpang terutamanya dari negara China secara lebih teliti. Hal ini bagi menyekat serta-merta kemasukan daging babi dan produk babi dari masuk ke Malaysia.

4. Disertakan bersama salinan surat daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk makluman tuan. Kerjasama dan perhatian pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(CHE AN BINTI MOHD JONED)

Timbalan Ketua Pengarah

b/p Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Putrajaya

s.k

- i. Ketua Pengarah MAQIS, Putrajaya
- ii. Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan